

<input checked="" type="checkbox"/> Harian Metro
<input type="checkbox"/> Metro Ahad
Tarikh: 13/11/2011
Hari: KHAMIS M/S: 43
Ruangan: EKSTRA



JUARA...
Muslimin
(kanan)
menerima
trofi daripada
Dr Mohd Amy
Azhar.

Muslimin kuasai Alumni UUM

>>Oleh Kamarulzaman Pld
amar@hmetro.com.my

MMUSLIMIN Wallang menampilkan aksi terbaiknya bagi merangkul Piala Pusingan pada Kejohanan Golf Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) 2010 yang dilangsungkan di Darulaman Golf dan Country Club, Jitra, Kedah.

Kejohanan anjuran Pusat Alumni UUM itu disertai 56 peserta turut mempertandingkan dua kategori lain.

Bagi kategori Nett, kejuaa-

raan disandang Amin dari Darulaman Golf and Country Club, Jitra yang mencatat par 72, manakala kategori Gross pula dimenangi Nasarudin Talib dari Maksak.

Kejohanan itu adalah salah satu usaha Pusat Alumni, Jabatan Hal Ehiwal Pelajar (HEP) bagi mengeratkan hubungan di antara Alumni dan UUM bagi tujuan merangka program yang dapat mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak.

Pengarah, Jabatan HEP Pelajar dan Alumni, Prof

Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Kejohanan ini mendapat sumbangan penajaan daripada pelbagai pihak antaranya Universiti Utara Malaysia Kuala Lumpur (UUMKL) dan Majlis Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan (MKSK) UUM.

Prof Emeritus Datuk Wira Dr Mohammad Noor Salleh, iaitu mantan Naib Canselor UUM sudi memberi sumbangan bagi Piala Pusingan.